



SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM BAGI DRAF RANCANGAN TEMPATAN MPS 2030 (DRTMPS2030)(PENGGANTIAN)

MPS telah mengadakan Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Draft Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2030 (DRTMPS2030) (Penggantian) di Le Gardens Pavilion, Persiaran Gamuda Gardens, Kuang, Rawang yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada hari ini.

Turut hadir ke majlis pelancaran ini ialah YBrs. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, YBhg. Datuk TPr. Mohd Faidzal bin Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan, PLANMalaysia, YBrs. Tuan Shukri bin Mohamad Hamin, Pegawai Daerah Gombak, YBhg. Dato' Abdul Sahak bin Safi, Pengarah Eksekutif, Gamuda Land Sdn Bhd, YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Ahli-Ahli Dewan Negeri, Tuan TYDP MPS, Ahli-Ahli Majlis, agensi kerajaan, syarikat korporat dan pemaju.

Program Pelancaran Publisiti Draft Rancangan Tempatan MPS 2030 (Penggantian) ini merupakan satu peringkat yang amat penting bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pihak pemaju, orang awam, komuniti dan pihak berkepentingan sebelum Draft Rancangan Tempatan ini dilulus dan diwartakan dan oleh kerajaan negeri.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapannya menekankan penyertaan awam daripada pihak berkepentingan untuk terlibat dengan perancangan pembangunan di kawasan pentadbiran Selayang amat diperlukan untuk menjadikan Selayang sebuah perbandaran yang seimbang dari segi kelestarian masyarakat, ekonomi, berteknologi dan alam sekitar. Beliau juga menyeru agar Ahli-Ahli Majlis MPS memainkan peranan untuk melibatkan komuniti menyertai program publisiti dan hebahan yang dijalankan selama satu bulan.

Bagi proses publisiti ini MPS akan menyediakan pameran awam bermula 30 April hingga 31 Mei 2021 di Lobi, Menara MPS, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan PLANMalaysia Selangor. Orang ramai juga boleh mengakses dan memberi pandangan terhadap Draft Rancangan Tempatan MPS 2030 melalui laman sesawang <https://drt2030.mps.gov.my>.



Pada majlis ini juga turut dilancarkan Smart Selayang Mampan 2030 iaitu penjenamaan semula Agenda 21 Tempatan (LA21) dengan memperkenalkan logo dan identiti baharu. Melalui Smart Selayang Mampan 2030, MPS akan merancang program-program mampan melibatkan agenda pembangunan dan alam sekitar seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan(SDGs) United Nations serta SMART Selangor.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

En. Mohamad Zin Masoad A.M.S.
Pengarah Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

30 April 2021

Untuk Sebarang Pertanyaan atau Maklumat Lanjut
Jabatan Korporat | Majlis Perbandaran Selayang
No Tel: 03 6126 5824 | **Emel:** korporat@mps.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram
@mpselayang